

Hari Kepelbagaian Biologi Antarabangsa, UTHM tingkat kesedaran awam

BAGI membantu meningkatkan kesedaran awam, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (Fast) turut menyambut Hari Kepelbagaian Biologi Antarabangsa dengan penganjuran pelbagai aktiviti pada 22 April hingga 22 Mei lalu.

Sambutan dikendalikan Jabatan Teknologi dan Sumber Semula jadi dan Pusat Penyelidikan-Pusat Pemuliharaan dan Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Semula jadi (CoR-SUNR) ini telah diisi dengan beberapa

aktiviti menarik seperti menerima lawatan penduduk Kampung Parit Jelutong, Parit Raja, Batu Pahat (25 April), majlis perasmian Taman Herba UTHM-Pagoh (3 Mei), program penanaman 150 benih pokok di Kolej Kediaman UTHM-Pagoh (4 Mei) dan beberapa pengisian lain yang semestinya memberi manfaat kepada sejumlah komuniti terlibat.

Manakala acara kemuncak pada 22 Mei pula diisi dengan aktiviti Operasi Menentang Spesies Asing Invasif (OPS-AIS) yang mana melibatkan

sekumpulan pelajar bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar kolej kediaman. Turut diadakan, beberapa permainan dan aktiviti menarik disertai warga kampus termasuk pameran bertemakan flora dan fauna dari



Program penanaman 150 benih pokok buah-buahan liar di Kolej Kediaman UTHM-Pagoh.

pelbagai ekosistem.

Pengarah Bahagian Konservasi Biodiversiti, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia yang juga Penasihat Industri kepada Program Sarjana Muda (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) di UTHM, Dr. Pazil Abdul Patah turut diundang untuk memberikan ceramah khas berkaitan konservasi hidupan liar di Malaysia.

Untuk rekod, Hari

Kepelbagaian Biologi Antarabangsa ini disambut setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan biodiversiti marin di samping sebagai usaha mempamerkan kekayaan dan keunikan biodiversiti marin ini.

Sementara itu, kepelbagaian biologi pula merujuk kepada variasi tumbuh-tumbuhan, haiwan, mikroorganisma dan berhubung mengenai genetik,

Info Angka

- Malaysia salah satu daripada **12 negara** mega kepelbagaian biologi dunia
- Menampung antara **60 hingga 70 peratus** kepelbagaian biologi dunia
- **150 benih pokok** ditanam di Kolej Kediaman UTHM-Pagoh

spesies dan ekosistem. Malaysia merupakan satu daripada 12 buah negara mega kepelbagaian biologi dunia, iaitu negara-negara yang secara bersama menampung antara 60 hingga 70 peratus kepelbagaian biologi dunia.

Hadir sama adalah Dekan Fast, Profesor Madya Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa, Mantan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Profesor Datin Dr. Maryati Mohamed, Ketua CoR-SUNR, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua Jabatan dan pensyarah Fast.



Pameran flora dan fauna.